

BAB DUA

KONSEP AL-MUSHĀRAKAH DALAM FIQH MU'AMALAH

2.1. Pendahuluan

Kerjasama dan tolong menolong merupakan satu amalan yang telah lama berkembang di tengah masyarakat nusantara ini. Dalam Islam tolong menolong amatlah digalakkan selagi mana ianya bertujuan untuk memperoleh manfaat dan menjaganya dalam ketaqwaan dan kebaikan. Amalan ini sangat penting bagi memberikan kemudahan kepada setiap individu muslim di dalam setiap aspek kehidupannya.

Dalam perniagaan dan sektor ekonomi, kerjasama dan tolong-menolong ini mempunyai pelbagai bentuk dan corak mengikut tujuan yang dimaksudkan oleh pihak-pihak terbabit, antaranya adalah *al-Mushārakah*.

Al-Mushārakah ini adalah satu istilah untuk kontrak usaha antara dua pihak atau lebih dalam menjalankan perniagaan dan aktiviti yang dapat menghasilkan pulangan daripada sejumlah modal yang dikeluarkan antara pihak-pihak yang terikat dalam perjanjian. Pembahagiaan *shirkah* tersebut akan dijelaskan kemudian.

2.2. Pengertian Dan Asas Hukum *Al-Mushārakah*

2.2.1. Pengertian

Dalam rujukan perpustakaan dan literatur, perkongsian dan pencampuran harta ini menggunakan istilah *al-shirkah*. Manakala *al-mushārakah* adalah istilah untuk merujuk kepada hubungan dua pihak atau lebih dalam akad *al-shirkah*.

Istilah *al-shirkah* berasal daripada bahasa Arab, yang diambil daripada perkataan *sharaka* (شرک) dalam bentuk *fi'il mādi* dan *yashraku* (يشرك) dalam bentuk *fi'il mudāri*

dan *shirkah* dalam bentuk kata nama jadian (*masdari*).¹ Secara bahasa, perkataan *shirkah*² dalam kamus *al-Mu'jam al-Wasīt* ditakrifkan secara lughawi dengan istilah :

شَرِكْتُ شِرْكَةً : كَانَ لِكُلِّ مِنْهَا نَصِيبٌ مِنْهُ

Terjemahan: “Ia bersekutu dalam satu persyarikatan: kedua-dua pihak masing-masing memiliki bahagian daripadanya.”

Shirkah secara bahasa pula dalam pandangan ulama bermakna *al-khalat*³ atau *al-ikhtilāt* (percampuran) iaitu harta milik seseorang bersama pihak lain, sehingga harta tersebut tidak dapat lagi dibezakan kepemilikannya. Pada pandangan *Jumhūr al-'Ulamā'*, percampuran tersebut mestalah diikat dengan akad perjanjian khas yang menjelaskan pencampuran berkenaan. Tanpa adanya akad khas, maka tidak berlaku *al-shirkah* pada perkara tersebut.⁴

Perkataan *al-shirkah* pula terdapat pada rujukan kitab-kitab *turats* karangan *madhhab fiqh* yang empat, sama ada Maliki, Hanafi, Syafi'i mahupun Hanbali. Masing-masing ulama mazhab mempunyai takrifan yang berbeza, akan tetapi memiliki satu maksud dan makna yang sama.

Mengikut ulama Malikiyah *al-shirkah* itu adalah :

إِذْنٌ فِي التَّصْرِيفِ لِهُمَا فِي أَنْفُسِهِمَا فِي مَالٍ لَهُمَا

Terjemahan: “Satu kebenaran untuk berbuat sesuatu yang tertakluk pada hukum bagi kedua-dua pihak yang bekerjasama terhadap harta mereka.”⁵

¹ 'Abd al-Azīz al-Khayyaṭ, *al-Shirkāt fī al-Sharī'ah al-Islamiyyah wa al-Qānūn al-Wadh'īī*, ed. ke-2 (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1994), 1:23.

² Ibrahim Anis, et.al. *Al-Mu'jam Al-Wasīt*, ed. ke-2 (Kaherah: Dār al-Ihyā' At-Turāth Al-'Arabī, 1972), 1:480.

³ Abū al-Fāḍil Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibnu Manzūr al-Afrīqī al-Miṣrī, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dār al-Sādir, t.t.) 10:448 dan lihat pula Sayyid Muḥammad Murtadā al-Zabidī, *Tāj al-'Ayrūs* (al-Miṣrī: al-Khayriyyah al-Mansa'ah, 1306 H), 7:148.

⁴ *Al-shirkah* diertikan sebagai *ikhtilāt* kerana di dalamnya berlaku pencampuran harta antara beberapa orang yang bersyarikat, dan seterusnya harta tersebut menjadi modal bersama. lihat Wahbah al-Zuhailī, *Al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh*, ed. ke-3 (Damsyik: Dār al-Fikr, 1989), 4:792.

⁵ Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibnu 'Abd Allāh Ibnu 'Alī, *Sharḥ al-Khurshī 'alā Mukhtaṣar Khalīl* (Beirut: Dār al-Sādir, t.t.), 6: 38. Lihat Ad Dardir, *Hāshiyah al-Dāsūqī 'alā al-Sharḥ al-Kabīr*, 3: 348.

Takrifan ini memberi tumpuan pada kebenaran bagi melakukan apa-apa aktiviti dengan menggunakan modal bersama berupa harta oleh salah satu pihak yang melakukan kerjasama perniagaan bagi mendapatkan pulangan.

Mengikut ulama Syafi'iyyah⁶ pula adalah :

ثُبُوتُ الْحَقِّ فِي شَيْءٍ لِأَنْتَنِينِ فَأَكْثَرُ عَلَى جَهَةِ الشُّيُوعِ

Terjemahan : “Adalah satu ungkapan tentang ketetapan suatu hak ke atas suatu barang bagi dua orang atau lebih secara bersama.”

Manakala ulama Hanabilah menta'rifkan *al-shirkah* sebagai gabungan atau usahasama antara dua rakan *mushtarik* dalam pemilikan hak atau *taṣarruf* (kuasa pengurusan).⁷ Ulama mazhab *Hanafī* pula berpendapat bahawa *shirkah* ialah satu kontrak antara dua orang yang berkongsi dalam modal dan keuntungan.⁸

Manakala dalam *al-Mu'jam al-Wasīṭ* dinyatakan bahawa *shirkah* itu ialah :

عَقْدٌ بَيْنَ اثْنَيْنِ أَوْ أَكْثَرَ لِلْقِيَامِ بِعَمَلٍ مُشَرَّكٍ

Terjemahan: *Shirkah* adalah satu akad antara dua pihak atau lebih untuk melakukan satu tindakan secara bersama-sama.⁹

Dari padanya pelbagai definisi yang dikemukakan para ulama mazhab tentang *al-shirkah* ini, *al-Zuhailī* menyimpulkan bahawa definisi ulama mazhab *Hanafī* lebih bersesuaian berbanding dengan ulama lainnya, kerana dalam definisinya mazhab *Hanafī* menyebut istilah kontrak dalam aktiviti *shirkah* ini.¹⁰ Dengan menyebut istilah kontrak,

⁶ Sham al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khatīb al-Sharbainī, *Al-Iqnā’ fī ḥilli Alfażī Abī Shujā’* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jilid 2, 2004) 70. Lihat pula Sham al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khatīb al-Sharbainī, *Mugnī al-Muhtāj Ilā Ma’rifati Ma’ānī Alfażī al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1997), 2: 274.

⁷ Shams al-Dīn Abī al-Farj ‘Abd al-Rahmān Ibn Abī ‘Umar Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Qudāmah al-Muqaddasī, *Al-Sharḥ al-Kabīr ‘alā Matan al-Miqnā’* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 3: 109.

⁸ Al-Imām Kamāl al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Abd al-Wāḥid al-Sīwāsī al-Sakandarī Ibn al-Hamām al-Hanafī, *Sharḥ Fath al-Qadīr ‘alā al-Hidāyah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), 6: 143.

⁹ Ibrahim Anis, et.al., *op.cit.*, 480

¹⁰ Wahbah al-Zuhailī, *op.cit.*, 4: 792, lihat pula Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Kaherah: Dār al-Fatāh, 1994), 3: 258.

secara tidak langsung ulama *Hanafī* berpendapat pentingnya batasan masa perkongsian yang disepakati oleh masing-masing *mushtarak*. Dalam hal ini penulis berpendapat bahawa perbezaan definisi yang dikemukakan oleh pelbagai ulama mazhab dilihat satu perkara yang wajar kerana masing-masing memberi pandangan dari pelbagai segi mengikut penekanan masing-masing.

2.2.2. Asas Hukum *al-Mushārakah*

Shirkah merupakan satu akad yang diharuskan oleh *al-Qurān*, *al-Sunnah* dan *Ijmā'*.

Di dalam Al-Qurān terdapat ayat-ayat yang menyebut perihal *al-mushārakah*, antara lain:

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِن لَمْ يَكُن لَّهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمُ الْرُّبُعُ
مِمَّا تَرَكْنَ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِينَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَلَهُنَّ الرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْتُمْ إِن لَمْ يَكُن لَّكُمْ
وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الْثُلُثُ مِمَّا تَرَكْتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصُونَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَإِنْ
كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَلَةً أَوْ أُمْرَأً وَلَهُ وَاحِدٌ أُخْرَى أَوْ أُخْرَى فَلِكُلٍّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا أَسْدُسٌ فَإِنْ كَانُوا
أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءٌ فِي الْثُلُثِ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَى بِهَا أَوْ دَيْنٍ غَيْرَ مُضَارٍ وَصِيَّةٍ
مِنْ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ ﴿١٢﴾

Surah An-Nisā' 4: 12

Terjemahan: Dan bagi kamu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh satu perempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya dan bagi mereka (isteri-isteri) pula satu perempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah satu perlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutang kamu dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar.

Dalam surah yang lain Allah SWT berfirman:

قَالَ لَقَدْ ظَلَمَكَ بِسُؤَالٍ نَعْجَتِكَ إِلَى نِعَاجِهِ وَإِنَّ كَثِيرًا مِنَ الْخُلَطَاءِ لَيُغَيِّرُ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَقَلِيلٌ مَا هُمْ وَظَنَّ دَاوُدُ أَنَّهَا فَتَنَّنِهُ فَأَسْتَغْفَرَ رَبَّهُ وَخَرَّ رَاكِعًا وَأَنَابَ ﴿٦﴾

Surah Šad 38: 24

Terjemahan: Nabi Daud berkata: Sesungguhnya dia telah berlaku zalim kepadamu dengan meminta kambingmu itu (sebagai tambahan) kepada kambing-kambingnya dan sesungguhnya kebanyakan dari orang-orang yang bergaul dan berhubungan (dalam berbagai-bagai lapangan hidup), setengahnya berlaku zalim kepada setengahnya yang lain, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh; sedang mereka amatlah sedikit! Dan Nabi Daud (setelah berfikir sejurus), mengetahui sebenarnya Kami telah mengujinya (dengan peristiwa itu), lalu dia memohon ampun kepada Tuhananya sambil merebahkan dirinya sujud, serta dia rujuk kembali (bertaubat).

Dalam surah *al-Nisā'* ayat 12 disebutkan perkataan *shurakā'* yang bermakna berkongsi dalam harta yang diperolehi daripada harta warisan. Manakala dalam surah *Šad* ayat 24 terdapat perkataan *al-khulaṭā* yang bermaksud *shurakā'*,¹¹ iaitu orang-orang yang mencampurkan harta mereka untuk diurus bersama-sama.

Dalam surah al-Rūm Allah berfirman:

ضَرَبَ لَكُمْ مَثَلًا مِنْ أَنفُسِكُمْ هَلْ لَكُمْ مِنْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ مِنْ شُرَكَاءِ فِي مَا رَزَقْنَاكُمْ فَأَنْتُمْ فِيهِ سَوَاءٌ تَحَافُونَهُمْ كَحِيفَتِكُمْ أَنْفُسَكُمْ كَذَلِكَ تُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤٨﴾

Surah Al-Rūm 30: 28

Terjemahan: Dia mengemukakan kepada kamu satu misal perbandingan dari keadaan diri kamu sendiri, iaitu: relakah kamu menerima sebahagian dari hamba-hamba abdi yang kamu miliki itu menjadi rakan kongsi kamu pada harta benda yang Kami telah kurniakan kepada kamu, supaya dengan penerimaan kamu itu, mereka dengan kamu menjadi sama-sama berhak padanya, sehingga kamu pun tidak berani (menguruskan harta benda itu dengan tiada persetujuan) mereka, sebagaimana kamu tidak berani (berbuat demikian dengan orang-orang yang berkongsi dengan kamu yang setaraf dengan) diri kamu? Demikianlah Kami menjelaskan keterangan-keterangan satu persatu bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahaminya.

¹¹ Wahbah al-Zuhailī, *op.cit.*, 4: 793.

Firman Allah surah *Al-Rūm* ayat 30 menjelaskan tentang perkongsian harta benda antara dua pihak yang mana kedua-dua pihak mesti meminta persetujuan dalam menguruskan harta yang menjadi hak milik kedua-dua pihak.

Manakala *al-Mushārakah* juga disebut dalam beberapa *hadīth* Nabi, antaranya adalah *al-Hadīth al-Qudsī* riwayat Abu Hurairah :

عن أبي هريرة رفعه قال : إن الله يقول : أنا ثالث الشريكين ما لم يخن أحدهما صاحبه ،
فإذا خانه خرجت من بينهما

Terjemahan : “Daripada Abu Hurairah ia merafa’kannya kepada Nabi, beliau bersabda: Sesungguhnya Allah SWT berfirman: saya adalah pihak ketiga dari dua orang yang bersyarakat, selagimana salah satu antara kedua-duanya tidak berkhianat kepada yang lain, jika ia berkhianat kepada yang kawannya, maka saya akan keluar dari antara kedua-duanya.”¹²

Maksud Allah akan masuk dalam ikatan *shirkah* ialah Allah akan menolong, menjaga, dan mencucuri keberkatan ke atas perniagaannya. Akan tetapi jika berlaku pengkhianatan ke atas perkongsian tersebut, maka Allah SWT akan mengangkat pertolongan dan keberkatannya.¹³

Hadith lainnya adalah:

و عن السائب المخزومي رضي الله عنه أنه كان شريك النبي صلى الله عليه وسلم قبل
البعثة، فجاء يوم الفتح فقال : مرحباً بأخي و شريكي .

Terjemahan: Daripada *al-Sāib al-Makhzūmī* RA bahawa sesungguhnya ia adalah sekutu Nabi S.a.w sebelum Nabi diutus. Kemudian ia datang pada hari pembebasan kota Makkah, maka Rasulullah bersabda: Selamat datang kepada saudaraku dan teman syarikatku.”¹⁴

¹² Hadits ini diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dan al-Hākim. Lihat Sulaymān bin Al-Ash’ath bin Ishāq bin Bashīr al-Sajastanī, “Sunan Abū Dāwūd”, *Kitāb al-Buyū’*, *Bāb fī al-Shirkah*, No. 3383 (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 3: 256.

¹³ Dalam kitab *al-Majmū’* dijelaskan maksud ‘anā thālith al-thalāthah’ bermakna Allah akan mencucuri keberkatan dan menjaga harta pihak yang bersyarakat selagi mana mereka tidak saling berkhianat. Lihat Abū Zakariyyā Muhyiddin bin Sharaf al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū’ Sharḥ al-Muhaḍhab li al-Shayrāzī* (Jeddah: Maktabah al-Irshād, , t.t.), 14: 4-5.

¹⁴ Lafaz hadith ini daripada al-Hākim dan ia mensahihkannya, manakala Ibn Mājah menambah lafaz ‘telah adalah aku pada masa jahiliyyah, lihat Muḥammad bin Ismā’il Al-Kahlānī, *Subul as-Salām*, ed. ke-4 (Kaherah: Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bab al-Halabī, 1960), 3: 64.

Hadith Abdullah bin Mas'ūd juga menyebut tentang *al-mushārakah*:

عن أبي إسحاق عن أبي عبيدة عن عبد الله بن مسعود قال اشتركت أنا وعمار وسعد
فيما نصيب يوم بدر، فجاء سعد بأسيرين ولم أجي أنا وعمار بشيء

Terjemahan : “Daripada Abi Ishāq daripada ‘Ubaidah daripada Abdullah bin Mas’ūd radhiyallāhu ‘anhu ia berkata: Saya bersekutu dengan Ammar dan Sa’ad dalam hasil yang kami peroleh dalam perang Badar. Kemudian Sa’ad datang dengan membawa dua orang tawanan, manakala saya dan ‘Ammar datang tanpa membawa apa-apa.”¹⁵

Hadith lain yang dijadikan hujjah dalam *al-mushārakah* ini adalah:

حدثنا موسى بن إسماعيل، حدثنا جويرية بن أسماء، عن نافع، عن عبد الله رضي الله عنه، قال: أعطى رسول الله صلى الله عليه وسلم خير اليهود، أن يعملوها ويزرعوها ولم شطر ما يخرج منها.

Terjemahan: Telah menkhabarkan Musa Ibn Isma’il kepada kami, telah mengkhabarkan kepada kami Juwairiyah ibn Asma’ dari Nafi, daripada Abdullah RA berkata: bahawa Rasulullah SAW telah memberi tanah khaibar kepada seorang Yahudi untuk menggunakannya untuk bercucuk tanam, dan bahagian mereka ialah separuh daripada hasil yang dikeluarkannya.¹⁶

Hadith di atas menjelaskan bahawa Rasulullah SAW memberi tanah Khaibar kepada Yahudi untuk diguna bagi tujuan pertanian dan apabila dari pertanian tersebut menghasilkan keuntungan, maka sebahagian hasilnya mesti dikhaskan kepada pemilik tanah. Penulis menilai bahawa perkara yang dijalankan tersebut adalah satu bentuk daripada *al-mushārakah* antara dua pihak (*mushtarik*).

Daripada hadith-hadith di atas jelaslah bahawa *al-shirkah* ini diharuskan dalam kehidupan bermasyarakat. Amalan *al-syirkah* ini telahpun diamalkan masyarakat sebelum diutusnya baginda Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul. Selepas Nabi Muhammad SAW menjadi Rasul, amalan ini diteruskan dan diharuskan sehingga kini.¹⁷

¹⁵ Hadits diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Dawud, dan Ibnu Majah. Lihat Sunan Abu Dawud hadits nombor 2940, Sunan Ibn Mājah hadits nombor 2279

¹⁶ Hadith ini diriwayatkan oleh al- Bukhārī. Lihat Abū ‘Abdillāh Muḥammad ibn Ismā’il Al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al- Bukhārī*, j.2, Kitāb al-Ijārah, Bāb ‘idhā ista’jara arḍan famāta aḥaduhumā no. 2285, ed. ke-1 (Kaherah: al-Maṭba’ah al-Salafiyyah, 1403 H.), 138.

¹⁷ Wahbah al-Zuḥailī, *op.cit.*, 4: 793.

Jumhur Ulama pula berpandangan bahawa secara am *al-shirkah* diharuskan dalam Islam, sama ada dalam aktiviti perniagaan, keusahawanan, mahupun pengurusan harta lainnya dengan syarat iainya mesti mengikut konsep-konsep umum kerjasama sepetimana yang telah ditetapkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.¹⁸ Akan tetapi mereka berbeza pendapat dalam pembahagian dan jenisnya.

2.3. Pembahagian Dan Syarat-Syarat Pembentukan Akad *Al-Mushārakah*

2.3.1. Pembahagian *al-Shirkah*

Secara umum *al-mushārakah* atau *al-shirkah* ini terbahagi kepada dua bahagian besar. Yang pertama adalah *shirkah amlāk* iaitu percampuran harta dan pemilikan disebabkan faktor-faktor tertentu tanpa diperlukan akad *shirkah*, atau boleh kita fahami kepemilikan harta bersama tersebut diperolehi terus secara *tauqīfī* (secara *shar'i*) sesuai dengan ketetapan daripada Allah SWT.

Wahbah al-Zuhailī menta'rif *shirkah al-amlaq* sebagai:

أن يمتلك شخصان فأكثر عيناً من غير عقد الشركة

Terjemahan: "Dua orang atau lebih yang memiliki bersama ke atas barang tanpa adanya satu akad shirkah."¹⁹

Shirkah al-amlaq juga dikenal dengan *shirkah al-ijbāriyyah*, kerana pemilikannya diperoleh secara terus tanpa adanya kehendak daripada mana-mana pihak yang berkait, suka atau tidak suka, mahu atau tidak mahu pemilikan itu diperolehi terus. Pemilikan ini juga diperoleh kerana *nas shar'i* yang menetapkannya.

Shirkah al-amlaq terbahagi kepada dua pembahagiaan, yang pertama *Shirkah amlāk ikhtiyāriyyah* iaitu perkongsian yang muncul akibat tindakan pihak-pihak yang berkongsi, sebagai contoh dua pihak bersepakat untuk membeli suatu barang, ataupun

¹⁸ *Ibid.*, 793, Sayyid Sābiq, *op.cit.*, 258, Hassan Ayyūb, *op.cit.*, 233

¹⁹ *Ibid.*, 794

keduanya menerima hibah, wasiat atau wakaf daripada orang lain pada masa yang sama. Oleh itu, barang yang dimiliki oleh kedua-duanya menjadi harta perkongsian (hak milik bersama) kepada mereka berdua.

Yang kedua ialah *Shirkah amlāk ijbāriyyah* iaitu pemilikan harta bersama yang berlaku secara paksa ke atas pihak-pihak terbabit tanpa adanya kehendak yang muncul daripada mereka, seperti anak yang menerima harta warisan yang dimiliki oleh ayahnya yang telah meninggal dunia. Kemudian harta tersebut menjadi hak bagi orang yang menerimanya.²⁰

Manakala bentuk *shirkah* yang kedua ialah *shirkah al-‘uqūd*, iaitu *shirkah* yang terjadi disebabkan adanya kehendak antara kedua-dua pihak dengan membuat aturan dan perjanjian bersama antara dua pihak atau lebih ke atas satu usaha yang mampu memperoleh keuntungan daripada modal yang dikeluarkan oleh pihak yang berkongsi.

Wahbah al-Zuhailī mendefinisikan *shirkah ‘uqūd* adalah:

عبارة عن العقد الواقع بين اثنين فأكثر للإشتراك في مال و ربحه

Terjemahan: Satu ungkapan tentang akad yang terjadi antara dua orang atau lebih untuk bersekutu dalam permodalan dan keuntungan.²¹

Definisi yang dikemukakan oleh *al-Zuhaylī* ini menjelaskan bahawa dalam *shirkah ‘uqūd* wujud satu ikatan antara dua pihak, bersama-sama mengeluarkan modal untuk satu aktiviti yang dapat menjana keuntungan. Ikatan yang dibuat merupakan satu bentuk kontrak yang menjelaskan hak-hak dan kewajipan setiap pihak terhadap harta. Tanpa satu akad, maka *al-shirkah ‘uqud* tidaklah terjadi, kerana ia wujud apabila adanya akad yang dibuat.

²⁰ H. Abdul Rahman Ghazaly et.al., *Fiqh Muamalat* (Jakarta: Kencana Prenada Media, 2010) 131. Lihat Abū Ibrāhīm Ismā’il bin Yahya bin Ismā’il al-Maṣrī al-Muzanī, *Mukhtaṣar al-Muzanī fī Furū’ al-Shafī’iyyah* ed. ke-1 (Beirut: Dāral-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997) 150

²¹ Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, 4: 794.

Shirkah al-‘uqūd ini pula terbahagi kepada beberapa bahagian, ada jenis pembahagiaan yang dipersetujui dan ada pula yang tidak dipersetujui. Ulama mazhab Hanabilah membahagikannya kepada lima jenis *shirkah al-‘uqūd*, iaitu *Shirkah al-‘inān*, *shirkah al-muḍārabah*, *shirkah al-wujūh*, *shirkah al-abdān* dan *shirkah al-mufāwaḍah*.²²

Manakala Ulama Hanafiyah pula membahagikannya kepada tiga pembahagian besar, iaitu *shirkah al-amwāl*, *shirkah al-a’māl* dan *shirkah al-wujūh*. Dan masing-masing pembahagian tiga jenis itu dibahagi kepada *shirkah mufāwaḍah* dan *shirkah ‘Inān*.²³

Mengikut pendapat ulama Malikiyyah dan Shafi’iyah pula, *shirkah* terbahagi kepada empat jenis, iaitu *shirkah al-abdān*, *shirkah al-mufāwaḍah*, *shirkah al-wujūh* dan *shirkah al-‘inān*.²⁴

Daripada pembahagiaan jenis *shirkah al-‘uqūd* di atas, para ulama bersepakat bahawa *shirkah al-‘inān* itu diharuskan, manakala jenis *shirkah* lainnya para ulama *madhhab* berbeza antara satu dengan lainnya. Syafi’iyah, Zahiriyyah dan Imamiyyah berpandangan bahawa semua bentuk *shirkah* itu batal kecuali *shirkah al-‘inān*.²⁵ Hanabilah pula mengharuskan semua jenis *shirkah*, kecuali *shirkah al-mufāwaḍah*. Manakala Malikiyyah mengharuskan semua jenis *shirkah*, kecuali *shirkah al-wujūh*. Dan ulama Hanafiyah pula mengharuskan semua jenis *shirkah*, jika syarat-syaratnya dapat dipenuhi.²⁶

²² Shams al-Dīn Abī al-Faraj Abd al-Rahmān bin Muhammad bin Aḥmad bin Qudāmah al-Maqdisī, *Al-Sharḥu Al-Kabīr*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995),7.

²³ ‘Alāuuddīn Abī Bakr bin Mas’ūd al-Kāsānī, *Kitāb Badā’i’ wa al-Shanā’i’* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 2000), 6: 101-103., lihat pula Wahbah al-Zuhailī , *op.cit.*, 4: 795.

²⁴ Shamsuddīn, Aḥmad Al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj*, (Beirut: Dār Al-Fikr, Juzuk 5, t.t.), 4-5.

²⁵ Ketiga jenis *shirkah*, abdan, mufawadah dan wujuh mengikut pendapat syafi’iyah adalah *shirkah* yang batil, kerana ketiga-tiganya mengandungi perkara yang dapat merugikan salah satu pihak, seperti gharar dan riba. Manakala shirkah ‘Inan diharuskan mengikut ijma’ ulama, kerana adanya kejelasan dalam modal dan keuntungan yang akan diperolehi antara kedua belah pihak. lebih lanjut lihat Shamsuddin Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Sharbainī, *Mughni al-Muhtāj*, (Beirut: Dar al-Ma’rifah, 1997), 2: 275.

²⁶ Alāuuddīn Abī Bakr bin Mas’ūd al-Kāsānī, *op.cit.*, 6: 101., Wahbah al-Zuhailī, *Op.cit.*, 4: 795.

Berikut akan dijelaskan secara ringkas, takrif jenis-jenis *shirkah* sepetimana yang dibahagikan mengikut pendapat ulama shafi'iyyah, iaitu *shirkah al-abdān*, *shirkah al-mufāwaḍah*, *shirkah al-wujūh* dan *shirkah al-'Inān*, kerana keempat-empat jenis itu merupakan jenis yang banyak disebut dalam pembahagian *shirkah* mengikut ulama *madhab* lainnya. Manakala jenis *mudarabah* mengikut pendapat ulama Hanafiyah dimasukkan ke dalam jenis *shirkah* kerana melibatkan kerjasama dua pihak atau lebih.

a) *Shirkah al-abdān*

هُنَّا يَتَفَقَّدُ اثْنَانِ عَلَى أَنْ تَكُونَ أَجْرَةُ هَذَا الْعَمَلِ بَيْنَهُمَا حَسْبًا لِلْإِتْفَاقِ.

Terjemahan : *Shirkah abdan* ialah satu bentuk kesepakatan antara dua orang (atau lebih) bagi menerima suatu pekerjaan dengan ketentuan upah kerjanya dibahagikan kepada setiap pihak mengikut kesepakatan.²⁷

Perkongsian ini adalah satu bentuk kerjasama yang hasilnya dibahagi bersama sesuai dengan persetujuan kedua-dua belah pihak yang terbabit. Contohnya, kerjasama dua orang atau lebih untuk menerima satu pekerjaan seperti pertukangan besi, kerja-kerja angkat barang, tukang jahit, kerja-kerja membina bangunan dan bentuk bentuk lainnya. Jenis *shirkah al-abdān* ini dikenal pula dengan *shirkah al-'amal* (kerja), *shirkah al-shanā'i* (tukang), dan *shirkah al- taqābul* (penerimaan).

Mengenai hukum *shirkah* ini, ulama Malikiyah, Hanafiyah dan Hanabilah mengharuskannya, kerana tujuan *shirkah* ialah untuk mencari keuntungan dengan modal pekerjaan secara bersama-sama.²⁸ Masing-masing pihak boleh mewakili pihak lainnya, kadangkala pula kerjasama itu seperti perjanjian *muḍārabah*. *Shirkah* ini pernah dilakukan oleh dua orang sahabat, iaitu Ibn Mas'ūd, 'Ammar dan Sa'ad pada perang

²⁷ Sayyid Sābiq, *Fiqh Al-Sunnah*, ed. ke-3 (Beirut: Dār al-Fikr, 1981), 3: 297.

²⁸ Lihat di Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī, *Al-Dhakhīrah* ed. ke-1 (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1994), 8: 20; Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-Āinī, *al-Bināyah fī Sharḥ al-Hidāyah*, ed. ke-2 (Beirut: Dār al-Fikr, 1990), 6: 870 dan lihat pula Abī Ishāq Burhānuddīn Ibrāhīm bin Muḥammad bin 'Abdullah bin Muḥammad bin Muflīh al-Ḥanbalī, *Al-Mubdi 'Sharḥ al-Mubdi '* ed. ke-1 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 4: 386.

badar, akan tetapi Sa'ad ditawan oleh musuh dan perjanjian diteruskan, mengenai perkara ini, Rasulullah SAW tidak menolak perjanjian yang dibuat itu.²⁹

Perbezaan antara ulama dalam *shirkah* dipandang sebagai satu bentuk keprihatinan terhadap perlindungan hak-hak dan kewajipan setiap individu yang membuat perjanjian *shirkah al-abdān* ini. Bagi ulama yang menerima, mereka memberikan syarat-syarat tertentu. Manakala ulama yang menolaknya pula bermaksud untuk menghindari perkara *gharār* sehingga keuntungan yang akan diperolehi menjadi halal.

b) Shirkah al-Mufāwaḍah

Jenis kedua adalah *shirkah al-mufāwaḍah*. *Al-mufāwaḍah* bermakna *al-musāwah*³⁰ (persamaan). Ia dikenali sebegitu kerana di dalamnya terdapat unsur persamaan dalam modal, keuntungan, melakukan *taṣarruf* dan lainnya.

Dalam takrifannya, *al-Kasānī* berpendapat bahawa *shirkah al-mufāwadah* adalah kontrak kerjasama antara dua orang atau lebih. Dalam perjanjian tersebut, setiap pihak mengeluarkan satu bahagian daripada keseluruhan modal dan mengambil bahagian dalam kerja. Manakala keuntungan dan kerugian dibahagi secara sama rata. Dengan demikian, syarat utama dari jenis *al-mushārakah* ini adalah kesamaan jumlah modal, kerja, tanggungjawap, dan bebanan hutang.³¹

Shirkah al-mufāwaḍah adalah satu bentuk perjanjian antara dua orang atau lebih, yang mana satu pihak bertanggung jawab terhadap pihak lainnya. Masing-masing pihak

²⁹ Kebolehan mengikut pandangan ulama malikiyyah dan hanafiyah mempunyai syarat-syarat tertentu, sehingga dipastikan jenis shirkah ini berlaku secara baik. Ulama syafi'iyyah dan zaidiyah melihat jenis perkongsian ini adalah batil (tidak betul), kerana perkongsian itu hanya dapat dipastikan keadilannya dengan harta sebab dapat ditakar secara pasti jumlahnya dan tidak untuk amal yang tidak dapat diukur keadilan dan kedhabitanya. Seseorang dengan orang lainnya pula mempunyai kelebihan antara satu sama lainnya, sehingga kesungguhan, kerajinan tidak dapat disamakan, sebab itu dalam shirkah masih terdapat unsur gharar yang dilarang dalam Mu'amalah Islam. Lihat Wahbah al-Zuhailī, *Op.cit.*, 4: 803.

³⁰ Lihat contohnya di Ibn Manzūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram al-Anṣārī, *Lisān al-`Arab* (Beirut: t.p, Vol. VII) 210; Abū Bakr Ibn Mas'ūd al-Kasānī, *al-Badā'i wa al-Ṣanā'i fī Tartīb al-Sharā'i*, ed. ke-2 (Beirut : Dār al-Kitāb al-Arabi, 1974), 6: 58; Ibn Humām, Kamāl al-Dīn Muḥammad b. `Abd al-Wahid al-Siwasī, *Fatḥ al-Qadīr* (Kaherah: t.p, Vol. VI, 1980) 156.

³¹ Abū Bakr Ibn Mas'ūd al-Kasānī, *op.cit.*, 6: 72.

terikat dengan tindakan yang telah dibuat oleh pihak lainnya dalam kesemua hak dan kewajipan, sama ada dalam mendapat keuntungan mahupun di dalam kerugian.

Mengikut pendapat ulama Hanafiah dan Malikiyyah, *shirkah al-mufāwadah* ini hukumnya harus, kerana ramai orang yang melakukannya tanpa ada batahan daripada sesiapapun. Manakala Imam Shafi'i tidak bersetuju dengan jenis *al-shirkah* ini, beliau mengatakan:

إِذَا لَمْ تَكُنْ شَرْكَةُ الْمُفَاؤْضَةِ بَاطِلَّةً فَلَا بَاطِلٌ أَعْرَفُهُ فِي الدُّنْيَا.

Terjemahan: Jika *shirkah al-mufāwadah* tidak dianggap batal, maka tidak ada lagi sesuatu yang batal yang saya ketahui di dunia ini.³²

Pendapat Imam Shafi'i yang menolak *shirkah al-mufāwadah* ini kerana tiada landasan syara' yang kukuh, kerana *hadith* yang digunakan sebagai dalil oleh kalangan Hanafiyah merupakan *hadith* yang tidak sahih dan tidak dapat diterima. Manakala dalam *shirkah* ini pula terdapat unsur *gharār* dan ketidakjelasan, di mana usaha untuk mewujudkan persamaan dalam pelbagai hal merupakan perkara yang susah untuk dilaksanakan.

Bagi yang mengharuskan jenis *al-shirkah* ini, mensyaratkan beberapa perkara, bahawa mana-mana pihak yang berkongsi mestilah mendapat hak untuk melakukan kafalah dan wakālah. Kedua-duanya mestilah orang yang merdeka, berakal, dan baligh. Kerana jika salah satu pihak ditempa satu musibah, pihak yang lain pula dapat mewakilinya.³³

c) *Shirkah al-Wujūh*

Bentuk usaha *shirkah al-wujūh* adalah satu kerjasama antara dua orang atau lebih untuk membeli suatu barang tanpa menggunakan sebarang modal. Dengan berpegang

³² Sayyid Sābiq, *op.cit.*, 3: 3.

³³ 'Alāuddin Abī Bakr bin Mas'ūd al-Kasānī, *op.cit.*, 6: 60 ; Wahbah al-Zuḥailī, *op.cit.*, 4: 811.

pada sikap saling mempercayai terhadap keuntungan yang akan diperolehi dari hasil perniagaan barang tersebut. Rengkas kata, bahawa pengambilan barang bukan menggunakan modal, tetapi pengambilan secara hutang, dan keuntungan akan dibahagikan kemudian, jika barang tersebut terjual.³⁴

Sayyid Sābiq menta'rifikannya dengan :

هي أن يشتري اثنان فأكثر من الناس دون أن يكون لهم رأس مال اعتمادا
على جاههم وثقة التجار بهم على أن تكون الشركة بينهم في الربح.

Terjemahan: *Shirkah al-wujūh* adalah pembelian yang dilakukan oleh dua orang atau lebih dari orang lain tanpa mengguna modal, dengan berpegang kepada penampilan mereka dan kepercayaan para pedagang terhadap mereka, dengan ketentuan mereka bersatu dalam keuntungan.³⁵

Dalam *shirkah al-wujūh*, seseorang tidak perlu menggunakan wang, akan tetapi dengan modal penampilan dan jaminan kepercayaan para peniaga kepada mereka, dengan perjanjian akan bersama-sama dalam mendapatkan keuntungan untuk mereka. *Shirkah* ini adalah kerjasama tanggung jawab antara seseorang yang melakukan pembelian dengan cara kredit dan menjualnya secara tunai.

Mengenai hukumnya, ulama Hanafiyah, Hanabilah dan Zaidiyah hukumnya harus kerana dalam *shirkah* sesuatu usaha itu masih berbentuk suatu pekerjaan dan masing-masing pihak pula menjadi wakil dalam jual beli. Mereka berpandangan bahawa *shirkah* dalam bentuk ini telahpun diamalkan oleh ramai ummat Islam dan tiada ulama yang menentangnya.³⁶

Manakala ulama Shafi'iyah, Malikiyah dan Zahiriyyah berpendapat bahawa *shirkah* adalah batil, kerana kerjasama tersebut tidak jelas dari segi modal dan bentuk kerjanya

³⁴ Abī Ishāq Burhānuddīn Ibrāhīm bin Muḥammad bin ‘Abdullah bin Muḥammad bin Muflīh al-Ḥanbalī, *op.cit.*, 4: 385; Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-‘Ainī, *Op.cit.*, 874 dan Ahmad Wardi Muslich, *Fiqh Muamalat*, (Jakarta: Penerbit AMZAH, 2010), 350.

³⁵ Sayyid Sābiq, *Op.cit.*, 3: 296 – 297.

³⁶ Ali Al-Khaifī, *al-Sharikah fi al-Fiqh al-Islāmī*, (Mesir: Dār al-Fikr al-Arabi, 1972), 23.

yang merupakan syarat yang mesti disebut secara jelas dalam perjanjian. Tanpa adanya modal dan bentuk kerja yang jelas akan membuka pintu *gharār* dalam *bermushārakah*.³⁷

d) *Shirkah al- 'Inān*

Berbeza daripada jenis *shirkah* lainnya, *shirkah* ini adalah satu bentuk usaha dua orang atau lebih dengan cara menggabungkan harta atau modal yang tidak mesti sama jumlahnya. Salah satu pihak boleh memiliki harta dan modal yang lebih besar daripada pihak lainnya. Manakala tanggungjawab terhadap risiko boleh dipikul sepenuhnya oleh satu pihak tanpa melibatkan pihak yang lain, atau pula satu pihak menanggung kerugian mengikut peratus modal yang dilaburkannya. Perihal keuntungan pula diperolehi mengikut perjanjian yang dipersetujui.³⁸

Shirkah al- 'Inān tidak mesti dilakukan dengan jumlah modal yang sama, *taṣarruf*, keuntungan serta kerugian. setiap pihak dapat melabur seberapa banyak daripada modal yang diperlukan bagi satu perkongsian perniagaan ataupun aktiviti perniagaan lainnya. Misalnya, pihak pertama melabur sebanyak RM10,000 dan pihak kedua melaburkan RM15,000 manakala pihak ketiga pula dapat melabur sebanyak RM25,000.

Bila perniagaan itu memperoleh keuntungan, maka pembahagiannya tertakluk pada perjanjian yang dibuat. Keuntungan yang diperoleh setiap pihak boleh jadi mengikut banyaknya laburan harta. Manakala kerugian yang ditanggung masing-masing pihak pula adalah mengikut persetujuan dan sesuai dengan modal yang dilabur. Perkara ini selari dengan kaedah :

الربح على ما شرطا و الوضيعة على قدر المالين

Terjemahan: Keuntungan diatur sesuai dengan syarat yang mereka persetujui, manakala kerugian adalah mengikut berasnya modal yang dilaburkannya.³⁹

³⁷ Abī Ishāq Ibrāhīm bin 'Ali Al-Shairāzī, *Al-Muhaḍhdhab fī al-Fiqh al-Imām al-Shāfi'iī*, ed. ke-1 (Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1995), 2: 156.

³⁸ Sayyid Sābiq, *op.cit.*, 932

³⁹ Dalam *shirkah inan*, setiap pihak mendapat keuntungan dan bertanggungjawab terhadap kerugian yang muncul. Satu pihak pula tidak boleh melepaskan tanggungjawab terhadap kerugian dan membebankan pada

Justeru syarat yang dibuat oleh setiap pihak mestilah jelas dan rinci, kerana adanya perbezaan modal yang dikeluarkan, dan selari dengan asal nama ‘*inan* yang bermakna jelas.⁴⁰

Mengenai *shirkah al-‘inān*, para ulama Malikiyah, Hanafiyah, Shafi’iyah dan Hanabilah sepakat mengharuskannya, akan tetapi berbeza pandangan pada beberapa syaratnya.

Masyarakat pada amnya menerima dan mengamalkan jenis *shirkah* ini, kerana dalam jenis ini tidak mensyaratkan adanya persamaan jumlah modal yang dilabur mahupun dalam penggunaannya (*taṣarruf*). Keuntungan dan kerugian pula dapat diperoleh dengan jumlah yang sama, atau pula berbeza mengikut perjanjian yang dibuat.

Jenis yang lainnya adalah *shirkah al-mudārabah*. *Shirkah* ini adalah satu perjanjian kerjasama antara dua orang atau lebih dalam satu bentuk perniagaan atau bentuk usaha lain. Satu pihak menjadi pengeluar modal dan pihak lain adalah pekerja yang keuntungannya dibahagi sesuai dengan persetujuan bersama, manakala kerugian ditanggung oleh pengeluar modal sahaja.⁴¹

Dalam perkara ini ulama berbeza pandangan mengenai jenis *shirkah mudārabah*. Mengikut Jumhur Ulama, Hanafiyah, Malikiyah, Shafi’iyah dan Zahiriyyah tidak memasukkan *mudārabah* sebagai sebahagian daripada bentuk *shirkah*, iainya merupakan bentuk kerjasama tersendiri yang tidak dinamakan dengan *shirkah*. Manakala Hanabilah berpendapat bahawa *mudārabah* ini dapat dikatakan sebagai *shirkah* jika dapat memenuhi beberapa syarat.⁴²

pihak lainnya, justeru diperlukan adanya ketentuan yang jelas mengenai hak dan tanggungjawab mana-mana pihak yang berkongsi. Lihat Wahbah al-Zuhālī, *op.cit.*, 4: 796-797.

⁴⁰ *Inān* berasal dari perkataan ‘anna (ان) yang bermakna nampak jelas. Lihat Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharafuddīn An-Nawawī, *Raudhah al-Talibīn* (Lubnan: Dār al-kutub al-‘ilmīyyah, 2003), 3: 507., lihat pula Abū Zakaryyā Yahyā bin Sharafuddīn al-Nawawī, *Kitāb al-Majmū’ sharah al-muhadhdhab li al-Syairazī* (Jeddah: Maktab Al-Irshād, t.t.), 14: 18.


⁴¹ Maulānā al-Shaikh Niẓām al-Ḥanafī, *Al-Fatāwā al-Hindīyyah* (Beirut: Dār Ṣadīr, t.t.), 4: 285., dan lihat pula Abdul Rahman Ghazali et.al., *Fiqh Muamalat*, ed. ke-1 (Jakarta: Kencana, 2010), 134.

⁴² Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, 2: 253

Mengikut pembahagian *shirkah* ini, para fuqaha sepakat berpendapat bahawa *shirkah ‘inan* diharuskan, akan tetapi mereka juga berbeza pandangan mengenai hukum setiap jenis *shirkah* lainnya.

Ulama *Shafi’iyyah* dan *Zahiriyyah* berpendapat bahawa *shirkah* yang diterima syari’at Islam adalah *shirkah al-‘inān* dan *shirkah al-mudārabah*. Ulama Hanabilah pula menerima semua bentuk *shirkah* kecuali *shirkah al-mufāwadah*. Manakala ulama Malikiyyah menerima semua bentuk shirkah kecuali *shirkah al-wujūh*. Ulama Hanafiyah pula menerima semua jenis shirkah tanpa terkecuali, jika syarat-syaratnya terpenuhi.⁴³ Oleh itu pada bahagian seterusnya akan dipaparkan perbincangan mengenai syarat-syarat terbentuknya *shirkah* yang sah mengikut pendapat para ulama.

Jadual 1.1. Pembahagian Shirkah



Sumber: kesimpulan daripada penjelasan pada sub tajuk ini.⁴⁴

2.3.2. Rukun Dan Syarat dalam Kontrak *al-Mushārakah*

Pada bahagian ini akan dipaparkan rukun dan syarat *shirkah al-'uqūd*, kerana ia berhubung kait dengan penyelidikan yang sedang dijalankan. Oleh itu bagi memastikan

⁴³ Wahbah al-Zuhailī, *op.cit.*, 4: 795.

⁴⁴ H. Abdul Rahman Ghazaly et.al., *op.cit.*, 133-134

perjanjian dalam *shirkah* berjalan dengan baik memerlukan rukun dan syarat yang mesti ada semasa *shirkah* itu dijalankan.

Jumhur ulama berpendapat bahawa rukun *shirkah* itu ada tiga, ‘*aqidāni, ma’qūd ‘alaih* dan *shīghah*.⁴⁵ Mereka berpendapat bahawa objek akad perjanjian dan *shīghah* serta adanya dua belah pihak yang bersyarikat itu merupakan unsur-unsur penting dalam *shirkah* dan membezakan satu bentuk perjanjian dengan jenis perjanjian lainnya. Manakala ulama Hanafiyah berpandangan bahawa rukun *shirkah* itu hanya dua, iaitu *ijāb* dan *qabūl*.⁴⁶

Mengikut pandangan ulama Malikiyyah pula, rukun *shirkah* itu ada tiga, iaitu dua pihak yang berkontrak, *shīghah* dan modal. Setiap rukun itu pula mempunyai syarat-syarat tertentu. Bagi ulama Malikiyyah, kedua-dua pihak yang berkontrak mestilah orang yang merdeka, cerdas dan sihat. *Shīghah* disyaratkan mematuhi ‘urf (kebiasaan) yang selalu dilakukan dan dipersetujui, sama ada perkataan mahupun perbuatan. Dan modal pula disyaratkan berasal dari barang yang sejenis misalnya: emas dengan emas, harta tersebut dapat ditarik, ditimbang dan berwujud serta mesti ada ketika kedua-dua pihak berakad dalam kontrak *al-mushārakah*.⁴⁷

Pendapat ulama Shāfi’iyah pula hampir sama dengan pendapat ulama Malikiyyah. Mereka berpendapat bahawa rukun *shirkah* itu ada empat, iaitu: *shīghah*, kedua belah pihak yang berkontrak (mereka merinci kedua belah pihak itu sebagai dua

⁴⁵ ‘*āqidāni* adalah dua pihak yang bekerjasama dalam *shirkah*, *ma’qūd ‘alaih* adalah isi perjanjian yang akan dibuat dan *shīghah* adalah ungkapan penawaran dan penerimaan kerjasama tersebut. Ulama Maliki membahagikannya kepada empat, rukum pertama dan kedua adalah ‘*āqidāni*, lihat Shihāb al-Dīn Ahmad bin Idrīs al-Qarāfī, *Al-Dhakhīrah*, ed. ke-1 (Dār al-Gharb al-Islāmī, 1994), 8: 20.

⁴⁶ *Ijāb* adalah ungkapan penawaran ke atas pihak lain untuk bersama-sama terikat dalam satu perjanjian usaha ataupun perniagaan. Pihak lainnya menjawab “aku terima” adalah satu bentuk ungkapan *qabūl*. Perbezaan ini dikarenakan ulama Hanafiyah menganggap selain daripada *ijab* dan *qabūl* bukanlah rukun tetapi hanyalah syarat sahaja. Lihat Muḥammad Abdul Wāhid al-Suwāsī al-Sakandarī/Kamāl al-Dīn al-Hamām, *Sharḥ Fath al-Qaīr ‘alā al-Hidāyah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), 10: 145, Abd al-Rahmān Al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-Arba’ah* (Kaherah: Dār al-Hadīth, 1994), 75., dan lihat pula Wahbah al-Zuhīlī, *op.cit.*, 804

⁴⁷ Ibn Qudāmah Abī Muḥammad ‘Abdullah Ibn Aḥmad al-Dimashqī, *al-Mughnī ‘Ala al-Miqnā*, (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, t.t.), 127.

rukun yang berbeza), dan modal. Ulama Shāfi'iyyah menambah syarat bagi kedua belah pihak yang berkontrak (*al-muta 'āqidani*) boleh saling memberi kebenaran kepada lainnya dalam *bertasarruf*. Pihak yang terbabit pula mestilah orang yang baligh dan pada modal dibolehkan bercampur sebelum dan sesudah akad dibuat asalkan terdiri daripada jenis yang sama.⁴⁸

Pelaksanaan *al-mushārakah* ini pula mempunyai syarat-syarat sepertimana yang telah dipersetujui para ulama', iaitu hendaklah setiap kontrak perjanjian antara pihak yang bersyarikat tidak batal mengikut syariat Islam, mencapai aspek keadilan serta menghindari perkara-perkara yang merugikan salah satu pihak.

Secara 'amnya kesahihan *shirkah al-uqud* dalam pelbagai jenis *shirkah* mestilah memenuhi syarat-syarat seperti berikut ini:⁴⁹

a. Berkaitan dengan bentuk *shirkah*:

Berkaitan dengan bentuk *shirkah*, ada dua syarat yang wajip dipenuhi; syarat pertama ialah yang berkaitan dengan benda yang diakadkan mestilah berupa benda yang boleh diwakilkan, dan yang kedua ialah adanya pembahagian keuntungan yang diberikan kepada setiap pihak.

Dalam *shirkah uqūd*, keuntungan yang diperoleh adalah milik bersama dan dibahagikan mengikut perjanjian yang dipersetujui bersama. Pemilikan keuntungan secara bersama menghendaki agar setiap ahli syarikat menjadi wakil kepada ahli lainnya dalam penggunaan harta ataupun modal di samping ia dapat menggunakan hak ke atas peribadinya.⁵⁰

⁴⁸ Abd al-Rahmān Al-Jazīrī, *op.cit.*, 79

⁴⁹ *Ibid.*, 805

⁵⁰ 'Ali al-Khaffīf, *al-Shirkāt fī al-Fiqh al-Islāmī* (Kaherah: Jāmi'ah al-Duwal al-'Arabiyyah, t.t.), 29.

Oleh itu, setiap pihak dapat menggunakan dan melakukan *tasharruf*, sama ada penjualan, pembelian atau penerimaan kontrak kerja, sehingga dengan itu setiap pihak dapat menjadi wakil kepada pihak lainnya.⁵¹

Di samping itu, setiap ahli syarikat dibolehkan menjual harta *shirkah* tersebut secara tunai ataupun secara hutang, sesuai dengan kebiasaan yang dibuat oleh kebanyakan pihak. Akan tetapi ulama Shafi'iyyah tidak membenarkan perniagaan secara hutang dengan modal *shirkah* ini.⁵² Manakala di kalangan ulama Hanabilah terdapat dua pendapat, dan yang paling rajih adalah pendapat yang membolehkan perniagaan secara berhutang dengan harta *shirkah*.⁵³

b. Pembahagian Keuntungan Yang Jelas.

Keuntungan pula merupakan satu hal yang paling sensitif dan penting dalam menjalankan perniagaan dan kerjasama keusahawanan. Asas keadilan mestilah diberi perhatian mengikut perjanjian yang dibuat, manakala kerugian pula ditanggung bersama oleh setiap pihak.⁵⁴

Oleh itu, ketentuan sistem nisbah pembahagian mestilah dilakukan dengan jelas, misalnya sepuluh peratus atau dua puluh peratus.⁵⁵ Apabila pembahagian keuntungan ini tidak dijelaskan dalam nota kesefahaman maka *shirkah* akan terjejas kerana keuntungan merupakan *ma'qūd 'alaih* (objek perjanjian).⁵⁶ Manakala pendapat yang lain pula

⁵¹ Beberapa bentuk *tasharruf* yang lazim dilakukan adalah; membelanjakan dan menitipkannya, memberikan modal kepada pihak lain dengan cara muḍārabah, memberi kuasa kepada orang lain untuk menjualnya, menggadai dan menerima gadai, membuat pemindahan hutang (*hiwālah*) atau pula menggunakan harta *shirkah* itu untuk kos perjalanan. Lihat Wahbah al-Zuḥaylī, *op.cit.*, 4: 819-820.

⁵² Shamsuddin Muhammad al-Ramli, *op.cit.*, 5: 9 lihat pula 'Ali al-Khaffīf, *op.cit.*, 29

⁵³ Pandangan ini dapat dilihat di Wahbah al-Zuāailī, *op.cit.*, 4: 818, dan dapat pula dilihat pada Muwaffiquddin bin Qudāmah, *Al-Mughnī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 5: 129.

⁵⁴ Latifa M. Algaoud dan Mervyn K. Lewis, *Perbankan Syariah, Prinsip, Praktik, Prospek* (Jakarta: PT. Serambi Ilmu Semesta, 2001), 69

⁵⁵ Markaz al-Iqtisād al-Islāmī , *Al-Tamwīl bi al-Mushārakah*, ed. ke-2 (Kaherah: Markaz al-Iqtisād al-Islāmī, al-Maṣrif al-Islāmī al-Dawli li al--Istithmār wa al-Tanmiyah, Idārah al-Buḥuth, 1996), 13.

⁵⁶ Ahmad Wardi Muslich, *op.cit.*, 353

menyatakan, bahawa keuntungan adalah berdasarkan kepada jumlah harta yang dilabur oleh setiap pihak.⁵⁷

c. Keuntungan Merupakan Bahagian Yang Dimiliki Bersama.

Keuntungan yang diperoleh adalah milik bersama dan tidak ditentukan berapa jumlahnya. Ini kerana dalam *shirkah* mewajibkan adanya penglibatan dan keuntungan, dan menentukan secara khusus bahagian tertentu akan menghilangkan hakikat perkongsian.

Pembahagian ini diselari dengan kadar peratus harta yang dilabur, pada satu ketika boleh jadi keuntungan yang diperoleh setiap pihak itu sama ataupun kadang-kadang berbeza. Bahkan mengikut pendapat ulama Hanafiyyah, salah satu pihak mampu memperoleh keuntungan yang lebih walaupun modal yang dilabur sama jumlahnya dengan pihak lain, akan tetapi disyaratkan adanya upah dan imbalan yang setimpal dengan beban kerja yang lebih besar. Ulama Hanafiyyah berpandangan bahawa kayu pengukur pembahagian keuntungan itu berdasarkan pada kadar modal (*māl*), pekerjaan ('*amal*) dan tanggungjawab (*damān*). Dalam hal ini pertambahannya keuntungan adalah disebabkan adanya tambahan beban pekerjaan.⁵⁸

Ulama Hanabilah dan Zaidiyyah sepakat dengan ulama Hanafiyyah, namun dalam hal kerugian, mereka berpendapat perlu disesuaikan dengan kuantiti modal yang dikeluarkan.⁵⁹ Pandangan Malikiyyah,⁶⁰ dan Shafi'iyyah tentang keuntungan dalam *shirkah al-Inan* pula mensyaratkan perlunya menentukan nisbah keuntungan dan kerugian dengan modal yang dilabur, kerana keuntungan merupakan tambahan kepada harta, manakala kerugian adalah pengurangan terhadap modal.⁶¹

⁵⁷ Shamsuddin Muhammad bin al-Khatīb al-Sharbaynī, *op.cit.*, 2: 279

⁵⁸ 'Alāuddin Abī Bakr bin Mas'ūds al-Kasānī, *op.cit.*, 94

⁵⁹ Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, 4: 816.

⁶⁰ Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī, *Op.cit.*, 8: 41.

⁶¹ Abī Ishāq Ibrāhīm bin 'Ali bin Yūsuf al-Shairazī, *Al-Muhaḍhdhab fī fiqh al-Imām al-Shāfi'ī*, ed. ke-1 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 1: 158. dan Wahbah al-Zuhailī, *op.cit.*, 4: 816-818.

Berikut ini adalah syarat-syarat khusus bagi kontrak *al-mushārakah* mengikut pembahagiannya seperti yang telah dihuraikan pada bahagian yang lepas;

a. Syarat-syarat Khas *Shirkah al-Mufāwaḍah*

Antara ulama yang menyetujui jenis *shirkah* adalah ulama Hanafiyah. Mereka membenarkan jenis syarat yang mesti wujud dalam kontrak perjanjian. Syarat-syarat yang harus dipenuhi itu tidaklah terlepas daripada definisi *al-Mufāwaḍah* secara istilah, sepertimana yang telah dijelaskan pada bahagian terdahulu, iaitu persamaan. Justeru, antara syarat yang ditetapkan oleh ulama Hanafiyah ialah persamaan pihak yang berkontrak dalam agama dan tingkatan usia, persamaan dalam modal serta persamaan dalam melakukan *taṣarruf* terhadap harta perkongsian.⁶²

Oleh itu ulama Hanafiyah menetapkan bahawa syarat kedua-dua pihak yang berkongsi dan bekerjasama mestilah memenuhi syarat *ahliyah* untuk melakukan aktiviti *wakālah* dan *kafālah*. Mereka mestilah daripada kalangan orang yang merdeka, baligh, berakal dan cerdas, manakala dalam akad yang dibuat antara kedua-duanya, mereka mestilah menyebut perkataan *al-mufāwaḍah*.⁶³

Mengikut syarat yang ditetapkan itu, *shirkah* ini tidak sah sekiranya pihak yang bersyarikat daripada seorang muslim dan seorang daripada kalangan orang kafir, ataupun antara seorang budak kecil dengan seorang yang dewasa, dan tidak sah pula sekiranya salah satu pihak mempunyai modal yang lebih besar daripada pihak lainnya. Dari segi keuntungan pula *shirkah* ini mensyaratkan persamaan dalam jumlah dan kadar nilainya. Jika sekiranya syarat persamaan sepertimana yang telah ditetapkan itu hilang atau tidak dapat dipenuhi secara sempurna maka ianya akan menjadi *shirkah* jenis *al-‘Inān*.

⁶² Wahbah al-Zuḥaylī, *op.cit.*, 798

⁶³ ‘Alāuddin Abī Bakr bin Mas’ūd al-Kasanī, *Op.cit.*, 6: 80.

b. Syarat Khas *Shirkah al- 'Inān*

Shirkah disyaratkan dengan satu akad yang menunjukkan secara jelas kebenaran untuk melakukan *tasharruf*, seperti lafaz atau kebiasaan yang menunjukkan perkara tersebut.⁶⁴ Pihak-pihak yang terlibat juga mempunyai kapasiti untuk mewakilkan dan diwakili oleh pihak lainnya asalkan terdapat kebenaran dan dipersetujui dalam akad perjanjian.⁶⁵

Syarat khusus pada *al-mufāwadah* boleh menjadi syarat *al- 'Inān* apabila tidak dipenuhi, seperti syarat keupayaan dalam wakalah, syarat persamaan dalam modal, keadaan pihak yang berkontrak, serta keuntungan.

Modal dalam *shirkah* ini boleh dalam bentuk harta, pekerjaan ataupun harga, dan disyaratkan sudah bercampur sebelum akad dibuat.⁶⁶ Dalam *shirkah al- 'Inān* tidak disyaratkan supaya modal yang dilabur jumlahnya sama. Masing-masing pihak boleh menyediakan jumlah yang bersesuaian dengan kemampuannya. Keuntungan yang diperolehi pula boleh berbeza antara satu pihak dengan pihak lainnya, mengikut jumlah modal yang dilabur dan persetujuan yang dibuat.⁶⁷

Dalam pandangan ulama Shafi'iyyah perlu adanya persamaan jenis modal yang dilabur, contohnya permodalan yang dikeluarkan oleh seseorang menggunakan wang dinar dengan wang dirham tidaklah dapat dijadikan sebagai modal bersama jika tidak mempunyai kadar nilai yang sama, ini kerana jenis kedua-duanya berbeza, dan sekiranya ini dilakukan, maka akan menyulitkan pembahagian keuntungan antara kedua-dua pihg bekerjasama,⁶⁸ manakala riba pula dapat berlaku pada keadaan sebegini jika perbezaan jenis modal berlaku.⁶⁹

⁶⁴ Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khatib al-Sharbaynī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifati Ma'āni Alfāz al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997), 2: 276.

⁶⁵ Taqiyuddīn Abū Bakr bin Muḥammad al-Husaynī, *Kifayatul akhyar fī halli ghayah al-ikhtishar*, ed. ke-9 (Damshik: Dār al-Bashā'ir, 2001), 324.

⁶⁶ *Ibid.*, 213

⁶⁷ *Ibid.*, 813

⁶⁸ Taqiyuddīn Abū Bakr bin Muḥammad al-Husaynī, *op.cit.*, 323.

⁶⁹ Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī, *op.cit.*, 8: 23.

c. Syarat Khas *Shirkah al-Abdān*

Selain syarat ‘am yang mesti ada pada setiap jenis, *shirkah al-Abdān* secara khusus mempunyai syarat bahawa kedua-dua pihak yang berkongsi secara bersama-sama mesti hadir dalam satu aktiviti, dan jika mereka terpisah maka *shirkah* akan menjadi batal dan tidak sah.⁷⁰

Manakala jenis pekerjaan yang akan dibuat mestilah pula dikerjakan secara bersama-sama.⁷¹ Contohnya, jika si A dan B berakad untuk membina sebuah rumah dengan upah yang akan mereka terima daripada pemilik rumah, jika mereka mengerjakan binaan yang berbeza, maka *shirkah* tidak sah. Mengenai pembahagian keuntungan atau upah yang diterima pula mestilah bersesuaian dengan bentuk pekerjaan yang telah dipersetujui bersama.⁷²

Shirkah ini boleh berbentuk *mufāwaḍah*, dan jika itu wujud, maka berlakulah syarat-syarat *shirkah al- mufāwaḍah* sepertimana yang telah dijelaskan pada bahagian terdahulu. Jika *shirkah* ini berbentuk ‘*inān* pula, maka tidaklah berlaku syarat-syarat *mufāwaḍah* kecuali *ahliyyah* (berkemampuan) dalam berwakālah.⁷³

d. Syarat-syarat Khusus *Shirkah al-Wujūh*

Jika *shirkah wujuh* ini berbentuk *mufāwaḍah*, maka berlakulah syarat-syarat *shirkah al- mufāwaḍah*. jika bentuknya *shirkah ‘inān* maka keuntungan daripada *shirkah* ini dibahagikan di antara pihak yang berakad sesuai dengan besar atau kecilnya bahagian masing-masing dalam kepemilikan barang yang dibeli. Begitu juga dengan kerugian, akan ditanggung mengikut tanggungjawab setiap pihak.⁷⁴

⁷⁰ *Ibid.*, 8: 24

⁷¹ Abū Umar Yūsuf bin ‘Abdillah bin Muḥammad bin ‘Abdil Barr, *Al-Kāfi fī fiqh Ahl al-Madīnah al-Malikī*, ed. ke-2 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 390.

⁷² Wahbah al-Zuḥaylī, *op.cit.*, 4: 803-804.

⁷³ *Ibid.*, 4: 813-814.

⁷⁴ *Ibid.*, 4: 802.

2.4. Batalnya Kontrak *Al-Mushārakah*

Kontrak perjanjian dalam *al-mushārakah* boleh terbatal sekiranya beberapa perkara tidak dapat dipenuhi ketika perjanjian tersebut dibuat. Antara sebab-sebab terbatalnya kontrak *shirkah* ini berlaku umum untuk semua jenis *al-mushārakah*, ada pula sebab-sebab yang bersifat khusus untuk setiap jenis *shirkah*.

2.4.1. Sebab Batalnya Kontrak *Al-Mushārakah* secara Am

Antara sebab-sebab batalnya kontrak *al-mushārakah* secara umum ialah pembatalan yang dibuat sendiri secara terus oleh salah satu pihak. Perkara ini merupakan perkara yang disyaratkan tidak hanya dalam setiap jenis *al-mushārakah*, akan tetapi juga berlaku secara umum kepada semua jenis perjanjian. Ini kerana perjanjian merupakan satu ikatan antara dua pihak atau lebih secara bersama-sama, dan apabila satu pihak melepaskan ikatannya, maka serta merta kontrak tersebut akan batal.⁷⁵

Yang kedua disebabkan oleh kerana meninggalnya salah seorang di antara pihak yang berkongsi, maka secara automatik kontrak yang dibuat akan terputus dan tamat dengan sendirinya.⁷⁶ Kerana hak milik bersama dan kuasa *tasharruf* akan hilang.

Sebab lainnya apabila salah seorang dari pihak yang berkongsi terkena penyakit gila.⁷⁷ Gilanya seseorang akan menjadikan setiap tindakan dan ucapan tidak lagi dibawah kawalan dirinya, sehingga *tasharruf* harta dalam keadaan sebegini menjadi tidak sah. Keadaan gila pada salah satu pihak akan membuat pengurusan kewangan dalam kontrak ataupun kerjasama menjadi tidak menentu. Ia tidak mengetahui dengan jelas berapa banyak wang yang diterima dan berapa keuntungan yang akan dibahagikan.

⁷⁵ Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khatīb al-Sharbaynī, *Mughniy al-Muhtāj ilā Ma'rifati Ma'āni Alfāz al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997), 2: 279; Sāmī 'Adnan al-'Ajjurī, *Nazriyah al-'Aqd laday al-Shaikh Muṣṭafā al-Zarqā*, Thesis Universiti al-Azhar Ghaza, 2013, 81, lihat Abu Zakariyya Yaāya bin Sharaf al-Dīn al-Nawawī al-Dimashqī, *Rauḍatut Ṭālibīn* (Saudi: Dār 'Ālam al-Kutub, 2003), 3: 515.

⁷⁶ Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khatīb al-Sharbaynī, *op.cit.*, 2: 279.

⁷⁷ *Ibid.*, lihat pula Abī al-Qāsim Abd al-Karīm bin Muḥammad bin Abd-Karīm al-Rāfi'i, *Al-Azīz Sharh al-Wajīz* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 2: 194-195.

2.4.2. Sebab Batalnya Kontrak *al-Mushārakah* Secara Khusus

Secara khusus, kontrak *al-Mushārakah* batal jika perkara berikut ini berlaku; pertama, rosaknya seluruh harta dalam persyarikatan atau salah satu pihak sebelum digunakan untuk membeli barang dalam *shirkah al-amwāl*, samaada harta yang berbeza ataupun harta yang sejenis sebelum dicampur menjadi modal yang satu dalam perkongsian. Hal ini disebabkan perlunya menyatakan harta dengan jelas dalam kontrak persyarikatan,⁷⁸ maka jika harta itu sudah tiada, maka terbatallah akad dan tidak dapat diteruskan.⁷⁹

Yang kedua ialah wujudnya persamaan modal dalam *shirkah al-mufawadah* ketika mana akad mula diwujudkan, kerana kesamaan modal dalam *shirkah* ini adalah perkara yang sangat penting dan mempengaruhi pada kesahihan akad *mushārakah*.⁸⁰

2.5. Pelaksanaan *Al-Mushārakah* Dalam Sistem Mu'amalah Islam

Perkembangan *al-mushārakah* pada masa kebelakangan ini semakin rancak dan meluas, dan diguna dalam pelbagai bentuk transaksi. Konsep *al-mushārakah* ini secara semula jadi berkembang sejurus meningkatnya keperluan masyarakat terhadap peningkatan pulangan, tuntutan peningkatan daya saing dan serta mengurangi resiko yang disebabkan oleh keupayaan dalam menyediakan modal yang terhad. Keperluan ini terlihat daripada perkembangan jalinan kontrak yang diwujudkan dalam pelbagai sektor dengan mengguna system *al-mushārakah*, antaranya adalah sektor perbankan, samaada perbankan umum mahupun perbankan Islam, pertanian dan perniagaan.

Sebagai contoh antara yang terdapat dalam sistem mu'amalah pada masa kebelakangan ini antaranya adalah alam sistem perbankan Islam, pelbagai produk

⁷⁸ Ali al-Khaffif, *op.cit.*, 113

⁷⁹ Keadaan ini sepertimana syarat yang mesti dipenuhi dalam perniagaan. Lihat Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, 4: 829.

⁸⁰ *Ibid.*, 831

telahpun dikeluarkan oleh bank dengan menjadikan *al-mushārakah* sebagai asas akadnya. Produk yang banyak menggunakan *al-mushārakah* adalah produk pembiayaan. Sebagai contoh beberapa bank yang mengeluarkan satu bentuk pembiayaan pemilikan rumah dan harta tanah dengan mengguna konsep *mushārakah mutanāqīshah*.⁸¹

Pelaksanaan al-musharakah dalam sistem perbankan lainnya adalah *Mudārabah*. Di dalam sistem *mudārabah* sepertimana yang telah dijelaskan pada bahagian yang lepas bahawa mengikut pendapat Hanafiyyah ianya merupakan sebahagian daripada jenis *al-mushārakah*. Pelaksanaan akad ini wujud dalam produk simpanan di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Pada salah satu penawaran produknya, BIMB menawarkan kepada pelanggan satu bentuk skim simpanan yang berasaskan kepada kontrak *muḍārabah*.⁸²

Dalam fiqh mu'amalat, sistem *mudārabah* dikenali juga dengan sistem bagi hasil (*profit sharing*) antara dua pihak yang melakukan kerjasama bagi mendapatkan keuntungan daripada modal yang dilabur mengikut perjanjian yang dipersetujui antara kedua-duanya.⁸³

Tidak hanya dalam sistem perbankan, pertanian juga antara sektor yang mengguna konsep *al-mushārakah* bagi membangunkan ekonomi negara-negara yang mempunyai

⁸¹ *Mushārakah mutanāqīshah* adalah bentuk kerjasama yang paling banyak diguna dalam pembiayaan pemilikan rumah, merupakan satu kerjasama antara dua pihak atau lebih untuk memiliki satu barang atau harta (*shirkah al-milk*), dimana kerjasama ini mengurangi hak milik salah satu pihak dan menambah hak milik pihak lainnya, dan kerjasama ini akan berakhir dengan perpindahan hak milik secara penuh daripada salah satu pihak kepada pihak lainnya. Lihat pula Ahamed Kameel Mydin Meera and Dzulastri Abdul Razak, "Home Financing through the Musharakah Mutanaqisah Contracts: Some Practical Issues," J.KAU: Islamic Econ., Vol. 22, no. 1 (2009), 123; lihat Nurul Izzah Binti Noor Zainan dan Abdul Ghafar Ismail, "Musyarakah Mutanaqisah: Isu dan Cabaran, Kesan Terhadap Pembangunan Ekonomi," (makalah, Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-VIII (PERKEM VIII) Johor Bahru, 7-9 Jun 2013), 407 dan lihat pula Mohamad Zaim Isamail et.al., "Analisis Kritikal Terhadap Pembiayaan Semula Perumahan Secara Islam Melalui Kontrak Musharakah Mutanaqisah," *Jurnal Teknologi* vol.64, no.1 (2013), 101

⁸²<http://www.bankislam.com.my/en/pages/MudharabahSavingsAccount-i.aspx?tabs=1>

⁸³ Lihat pelbagai definisinya pada Ibn. ‘Abidīn, *Radd al-Mukhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār* (Beirut: Dār Ihya al-Turāth, 1987), 4: 483.; Al-Dasūqī, *Hāshiyah al-Dasūqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr*, Juz III, (Beirut : Dār al-Fikr, 1989), 3: 63. Al-Nawāwī, *Riyād al-Ṣalihīn* (Beirut : Dār al-Fikr, Vol.IV, tt) 289 dan Al-Bahuti, *Kashshaf al-Qinā* (Beirut : Dār al-Fikr, Vol.II tt) 509.

lahan dan tanah yang baik bagi pertanian, terutama masyarakat di Indonesia dan Malaysia.

Bagi memastikan para petani tidak mengalami kesulitan dalam menjalankan sebarang aktiviti pertanian, seperti penanaman, peternakan dan menjaganya sampai musim menuai tiba bahkan hingga kepada sistem pemasaran, maka para petani memerlukan bantuan daripada pihak lain dari segi permodalan.

Malaysia dengan keluasan tanah 330.803 km² yang meliputi Semenanjung, Sabah dan Sarawak,⁸⁴ mempunyai hampir 24 peratus daripada keseluruhan keluasan tanahnya adalah terdiri daripada tanah yang sesuai untuk pertanian, dan mengandungi 7,605,000 hektar tanah pertanian yang subur dan kekal.⁸⁵ Mengikut laporan perangkaan Jabatan Pertanian Malaysia tahun 2010 Malaysia mempunyai keluasan tanah pertanian padi sekitar 677,884 hektar tanah pertanian.⁸⁶

Begitu juga halnya Indonesia yang mempunyai keluasan 8,71 juta hekar tanah sawah⁸⁷ dengan jumlah petani pada tahun 2013 sebanyak 26,14 juta orang⁸⁸ membolehkan untuk menjalin kerjasama (*al-mushārakah*) antara sesama petani atau pemodal yang dapat meningkatkan keluaran pertanian dengan lebih banyak lagi. Keluasan tanah pertanian tersebut tentunya tidak hanya diusahakan oleh kerajaan sahaja, akan tetapi masyarakat awam juga ikut serta mengusahakan aktiviti pertanian secara bersendirian.

⁸⁴ http://www.statistics.gov.my/portal/download_Environment/files/Compendium_2010/05-BAB4.pdf, dicapai 14 Mac 2014

⁸⁵ Nation Master Malaysia agriculture. (n.d.). Retrieved from http://www.nationmaster.com/red/country/my-malaysia/agr-agriculture&b_define=1&all=1

⁸⁶ Data tersebut diambil dari laman rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia, dicapai 14 Mac 2014, lihat http://www.statistics.gov.my/portal/download_Economics/files/DATA_SERIES/2011/pdf/08Padi.pdf

⁸⁷ Mengikut data yang dikeluarkan oleh Badan Pertanahan Nasional tahun 2007, dicapai 16 Mac 2014, lihat di <http://pusdatin.setjen.deptan.go.id/publikasi-302-statistik-luas-baku-lahan-sawah-dan-luas-panen-padi.html>

⁸⁸ Badan Pusat Statistik Indonesia, dicapai 4 Januari 2014, diambil dari laman sesawang <http://www.bps.go.id/?news=1063>.

Bagi masyarakat awam yang mengusahakan aktiviti pertanian secara persendirian memerlukan bantuan dan kerjasama daripada pihak lain, sama ada bantuan daripada pihak kerajaan mahupun swasta yang mempunyai kemampuan untuk berbuat demikian. Dalam perkara ini konsep *al-mushārakah* dapat digunakan bagi memastikan kerja-kerja pertanian terebut berjalan dengan lancar tanpa ada sebarang kesulitan kepada petani, di samping pihak lain dapat pula menikmati hasil dari perjanjian tersebut berupa keuntungan.

Dalam pertanian, pelaksanaan konsep *al-mushārakah* yang dikenal dalam fiqh mua'malah adalah *musāqah* dan *muzāra'ah*. *Musāqah* adalah adalah satu kerjasama antara dua pihak, pihak pertama sebagai memberikan benih tanaman atau pokok yang sedang tumbuh dalam kawasan tanah pertanian untuk diurus, disiram dan dipelihara sehingga pokok atau tanaman tersebut dapat menghasilkan buah-buahan atau hasil panen yang dibahagi dua mengikut kesepakatan antara kedua belah pihak yang berakad.⁸⁹

Konsep lainnya ialah *Muzāra'ah*, iaitu satu bentuk akad kerjasama antara seorang pemilik tanah dengan menyerahkan hak pakai tanah pertaniannya kepada petani untuk ditanam dan hasilnya akan dibahagikan kepada kedua-dua pihak mengikut perjanjian mereka. Dalam perkara ini ulama Shafi'iyyah menambahkan syarat di mana benih tanaman mestilah dibekalkan oleh pemilik tanah. Jika benih dikeluarkan oleh petani, maka itu bukanlah *muzāra'ah*, akan tetapi konsep kerjasama itu dinamakan sistem *mukhābarah*.⁹⁰

⁸⁹ *Musāqah* ini agak sama dengan *muzāra'ah*, keduanya sama-sama aktiviti pertanian, namun *musāqah* lebih kepada penjagaan tanaman yang sudah tumbuh untuk disiram, dijaga dan dipelihara. Konsep ini punya kesamaan dengan konsep qiradh. Lihat Shamsuddin Muḥammad bin al-Khatib al-Sharbainī, *op.cit.*, 2: 415.

⁹⁰ Ulama *shafi'iyyah* berbeza pandangan tentang istilah *muzāra'ah* dan *mukhābarah* ini. Imam al-Bandanijī dan dikuatkan oleh al-Qādī Abū al-Thayyib dan al-Jauhar berpandangan bahawa kedua-duanya sama maknanya. Berbeza dengan Imam al-Rafī'iī dan an-Nawāwī bahawa antara *muzāra'ah* dan *mukhābarah* terdapat perbezaan, *muzāra'ah* benihnya daripada pemilik tanah, manakala *mukhābarah* benih tanaman daripada petani. Lihat Imām Taqiyuddin Abu Bakr bin Muḥammadal-Ḥusainī, *op.cit.*, 359-360.

Dalam aktiviti perniagaan pula Akad *al-mushārakah* dapat diguna, kerana apa yang menjadi syarat dalam *al-mushārakah* ini adalah *tasharruf* kepada harta (*māl*).⁹¹ Dan perniagaan merupakan antara cara bertasharruf terhadap harta. Tidak hanya bekerjasama dalam modal, tetapi juga melalui kerja. Antara konsep *al-mushārakah* dalam perniagaan adalah francais.

Walaupun begitu, secara lengkap penyelidik mendapati adanya beberapa ciri-ciri persamaan antara perniagaan francais dan konsep *al-mushārakah*. Sepertimana yang telah diketahui bahawa dalam shirkah ada rukun-rukun dan syarat-syarat sehingga ianya dapat dikatakan sebagai shirkah.

Para ulama jumhur bersepakat bahawa ada tiga rukun dalam kontrak *al-mushārakah*, iaitu ‘āqidāni, ma’qūd ‘alaihi dan ṣighah.⁹² Āqidāni adalah dua pihak yang membuat kontrak perjanjian perniagaan, manakala ma’qūd ‘alaihi adalah kandungan atau objek perjanjian, dan ṣighah ialah ucapan persetujuan ke atas kontrak yang dibuat oleh kedua-dua pihak. Unsur-unsur ini didapati pada kontrak perjanjian dalam perniagaan francais yang akan dibincangkan secara terperinci pada bab empat.

2.6. Kesimpulan

Kontrak *al-mushārakah* adalah satu perjanjian kerjasama antara dua pihak ataupun lebih. Dalam Islam al-mushārakah diharuskan, kerana dalam memenuhi hajat keperluan hidup mana-mana individu tidak selalu dapat berjalan secara mandiri. Seseorang memerlukan pihak lain untuk dapat mewujudkan hajat hidupnya. Ini merupakan antara hikmah mengapa Allah SWT menciptakan manusia dalam keadaan yang berbeza antara satu dengan yang lain, ada yang kaya dan ada pula yang kurang upaya.

⁹¹Abū Zakariyyā Muhyiddin bin Sharaf al-Nawāwī, *Op.cit.*, 4: 3.

⁹² Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī, *op.cit.*, 20.

Kontrak *al-mushārakah* secara ringkas dita’rifkan sebagai satu kerjasama dua pihak atau lebih dalam satu usaha dengan modal dan pembahagiaan keuntungan yang diterima oleh kedu-dua pihak. Jumhur Ulama membahagikan kontrak *al-mushārakah* ini secara umum kepada dua bahagian, *shirkah al-amlāk* dan *shirkah al-uqūd*. *Shirkah al-amlāk* ialah dua pihak atau lebih bersyarikat untuk memiliki suatu harta tanpa adanya akad perjanjian, contohnya ialah dua orang yang secara *shar’iīt* memiliki harta perkongsian bersama dalam hak waris. Manakala *shirkah al-‘uqūd* ialah kepemilikan bersama disebabkan adanya akad yang dibuat antara dua pihak atau lebih dalam modal dan keuntungan.

Shirkah al-‘uqūd ini dalam perbincangan ulama’ terbahagi kepada beberapa bahagian, ada jenis *al-shirkah* yang dipersetujui oleh para ulama, dan ada pula jenis *al-shirkah* yang tidak dipersetujui. Secara ‘am, *al-shirkah* dibahagikan kepada *shirkah al-‘inān*, *shirkah al-wujūh*, *shirkah al-abdān*, *shirkah al-mufāwadah* dan *shirkah al-muḍārabah*.

Para Jumhur Ulama bersepakat akan keharusan dalam kontrak *al-mushārakah*, akan tetapi mereka berselisih pendapat tentang jenis *shirkah* yang diharuskan. Mereka bersepakat bahawa *shirkah al-‘Inān* itu harus, akan tetapi berbeza pendapat tentang jenis *shirkah* yang lain.

Konsep kerjasama pada masa sekarang ini mengalami perkembangan. Daripada *al-mushārakah* kepada banyak jenis kerjasama antara dua pihak atau lebih sama ada dalam perniagaan ataupun perkhidmatan, yang mana ke semua itu merupakan kaedah untuk memperoleh keuntungan, antaranya ialah sistem francais yang akan dijelaskan pada bab tiga dan pelaksanaan *al-musharakah* dalam perniagaan francais Jarimatika Indonesia yang akan dibincangkan pada bab empat.